

# Klinik Bola Sepak UMS-Sprint terap kemahiran 32 murid

**UB 28.12.2022 P.02**

**RANAU:** Kemahiran diterapkan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) kepada 32 murid Sekolah Kebangsaan Pekan 2 melalui klinik bola sepak menyuntik semangat para peserta.

Pengarah program Azriezam Abdul Jasmin berkata, ia sekali gus memberikan peluang kepada murid-murid berumur 10 sehingga 12 tahun itu bersaing dalam perlawanan tujuh sebelah.

“Klinik bermoto ‘Ke Arah Negara Bersukan’ itu diharap dapat membantu murid-murid sekolah mengembangkan lagi bakat permainan bola sepak mereka.

“Program ini diadakan khusus untuk memperluas faedah kepada semua peserta berusia awal remaja,” katanya.

Seramai 50 pelajar UMS-



**TERIMA KASIH:** Azriezam bersama Erwin (kanan) menyampaikan sijil kepada guru SK Pekan 2.

Sprint mengikuti program lapangan itu yang dikendalikan bersama Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar UMS

di bawah Pensyarah Kursus Bola Sepak Seksyen 1 Erwin Rusfian.

Di bawah program itu, pel-

bagai kemahiran diterapkan yang meliputi pengenalan peraturan dan kesalahan bola sepak bertujuan memberi pengetahuan mendalam kepada peserta.

Turut diberikan ialah kemahiran bermain bola sepak yang diterapkan melalui perlawanan pasukan tujuh sebelah dalam kalangan peserta.

Kemuncak program ialah kuiz bola sepak dan penyampaian hadiah kepada pasukan serta pemain terbaik.

Erwin berharap klinik itu dapat memupuk pelbagai kemahiran serta nilai murni dalam permainan bola sepak.

Erwin seterusnya menghargai komitmen SK Pekan 2 mengadakan kerjasama dengan UMS mengendalikan Klinik Bola Sepak itu.